

JABATAN BENDAHARI

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN

Pembayaran boleh dibuat melalui saluran seperti berikut:

1. Pembayaran secara dalam talian melalui **UniMAP's Cashless Payment Portal (URPay)** dengan melayari <https://urpay.unimap.edu.my/>
 - i. Diruangan "Type of User", pilih "Offered Undergrad Student"
 - ii. Masukkan nombor matrik diruangan "Username" dan masukkan nombor kad pengenalan diruangan "Password"
 - iii. Login ke dalam sistem dan klik pada "Fees"
 - iv. Untuk membuat bayaran, klik pada butang "Pay" dan pilih kaedah pembayaran
 - v. Masukkan maklumat yang diperlukan dan buat bayaran
2. Pembayaran melalui **JOMPAY**
(melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih mana-mana bank tempatan)

Biller Code	: 1024
Ref-1	: No. Matrik
Ref-2	: No. Kad Pengenalan



- i. Sila masukkan maklumat Biller Code, Ref 1 dan Ref 2 dengan tepat
 - ii. Masukkan amaun bayaran
3. Pembayaran secara **Bill Presentment** di semua cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad** seluruh Malaysia :
 - a. Melalui **perbankan internet / perbankan mudah alih Bank Islam Malaysia Berhad** (bagi yang mempunyai akaun simpanan Bank Islam).

Sila layari <http://www.bankislam.com.my> dan log masuk.

 - i. Pilih menu **Bill Presentment** pada menu **Payment / Services**
 - ii. **Masukkan nombor IC** dan pilih nama **Universiti Malaysia Perlis** sebagai payee
 - iii. Masukkan amaun yang perlu dibayar dan buat bayaran

b. **Mesin ATM Bank Islam** – menggunakan kad ATM Bank Islam.

- i. Pilih menu **Lain-Lain**, pilih menu **Pembayaran Bil & Yuran IPT** dan kemudian pilih menu **Yuran IPT / Bill Presentment**
- ii. Pilih nombor akaun, masukkan nombor kad pengenalan pelajar **dan** pilih nama **Universiti Malaysia Perlis** sebagai payee
- iii. Masukkan amaun yang perlu dibayar dan buat bayaran

3. Bayaran melalui **Interbank Bank Transfer (IBG)** atau **Instant Transfer (DuitNow)** adalah **tidak dibenarkan** kerana kesukaran untuk mengenalpasti maklumat bayaran dan bayaran tidak akan dapat dikemaskini.

4. Pelajar **tidak dibenarkan** menggunakan saluran pembayaran selain daripada yang dinyatakan di atas.

Pelajar Yang Mendapat Biasiswa / Tajaan / Pinjaman

1. Pelajar-pelajar yang menerima biasiswa / tajaan / pinjaman dari mana-mana agensi kerajaan / swasta adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan salinan surat tajaan tersebut kepada Jabatan Bendahari atau e-mel ke kewanganpelajar-bendahari@unimap.edu.my semasa hari pendaftaran atau sebaik sahaja menerima surat tawaran daripada pihak penaja.
2. Sila semak dan pastikan maklumat penaja sentiasa dikemaskini di dalam Sistem Maklumat Pelajar (OSI) untuk mengelak sebarang kesulitan seperti berikut :
 - a. Mengelakkan keciciran tuntutan yuran kepada penaja;
 - b. Membolehkan pelajar mendaftar kursus dan tidak ditahan untuk menduduki peperiksaan.

Peraturan Pemulangan Yuran

1. Bayaran balik secara penuh akan dikembalikan kepada **pelajar baharu sahaja** yang telah membuat bayaran penuh yuran tetapi **tidak mendaftar diri sebagai pelajar**.
2. Menarik diri daripada mengikuti program pengajian:
 - a. *Bayaran Yuran Pendaftaran*
Tiada bayaran akan dikembalikan kepada pelajar yang menarik diri dari Universiti **selepas** pendaftaran.

a. Bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Perkhidmatan

Pelajar baharu yang diluluskan menarik diri **dalam tempoh 14 hari** daripada tarikh pendaftaran, bayaran yuran akan dikembalikan setelah ditolak bayaran Yuran Pendaftaran dan Yuran Penginapan (akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama).

b. Menarik diri dalam tempoh minggu ketiga sehingga cuti pertengahan semester

Yuran Pendaftaran tidak dikembalikan. Bagi Yuran Pengajian, 50% daripada Yuran Pengajian akan dikembalikan, Yuran Penginapan akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama dan lain-lain yuran tidak dikembalikan.

c. Menarik diri selepas cuti pertengahan semester.

Tiada yuran akan dikembalikan kecuali Yuran Penginapan akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama.

Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Yuran

Pelajar yang gagal menjelaskan yuran pengajian dan bayaran lain yang dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan tindakan-tindakan seperti berikut:

1. Ditahan daripada membuat pendaftaran semester / kursus
2. Ditahan slip / dihalang menduduki peperiksaan
3. Ditahan keputusan peperiksaan
4. Tidak dibenarkan menghadiri x`Majlis Konvokesyen
5. Ditahan transkrip dan skrol

Penangguhan Pengajian

1. Pelajar dikehendaki membuat permohonan penangguhan pengajian melalui Bahagian Pengurusan Akademik untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Senat Universiti untuk kelulusan.
2. Pelajar tidak akan dikenakan sebarang yuran bagi tempoh penangguhan yang diluluskan.

Menarik Diri / Berhenti Pengajian

1. Pelajar dikehendaki membuat permohonan menarik diri daripada pengajian melalui Bahagian Pengurusan Akademik untuk pengesahan dan kelulusan.
2. Pemulangan yuran adalah seperti dinyatakan pada Peraturan Pemulangan Yuran.

Penggantungan Pengajian

1. Pelajar boleh digantung pengajian atas sebab tindakan tatatertib.
2. Pelajar tidak layak untuk menerima apa-apa pemulangan dan Universiti berhak membuat tuntutan terhadap yuran, caj dan apa-apa bayaran tertunggak daripada pelajar, penjamin dan waris pelajar.

Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berhubung pembayaran yuran, sila hubungi Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari di talian:

Telefon : **04-941 4033 / 04-941 4035 / 04-941 4020 / 04-941 4335**

E-mel : **kewanganpelajar-bendahari@unimap.edu.my**